

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-13 (2016)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH
EMBAS [BETONG]**

SOALAN :

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membetulkan ketidakseimbangan mengikut kaum dalam perkhidmatan awam persekutuan.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan gambaran secara holistik dan menyeluruh mengenai kadar penyertaan tenaga buruh mengikut kaum atau etnik di Malaysia supaya kita dapat memahami perspektif keseimbangan yang sebenar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh bagi Bumiputera adalah 65.5%, Cina 67.6%, India 64.1% dan lain-lain 64.1%. Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh

kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus. Berdasarkan angka ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat keseimbangan penyertaan tenaga buruh antara kumpulan etnik di Malaysia.

Sementara itu, peratusan penduduk yang bekerja mengikut etnik ialah Bumiputera 96.4%, Cina 97.7%, India 95.7% dan lain-lain 95.4%. Kadar pengangguran mengikut etnik pula bagi Bumiputera ialah 3.6%, Cina 2.3%, India 4.3%, dan lain-lain 4.5%. Maklumat tersebut menjelaskan bahawa etnik Cina mempunyai kadar penduduk bekerja yang paling tinggi dan kadar pengangguran yang paling rendah, diikuti Bumiputera dan India.

Jika dilihat kadar penduduk bekerja di bawah kategori “Kolar Putih” pula iaitu jawatan pengurus, profesional, juruteknik dan profesional bersekutu, dan pekerja sokongan perkeranian, didapati etnik Cina mempunyai kadar penduduk bekerja “Kolar Putih” yang tertinggi iaitu 46.8%, diikuti etnik India 39.1%, Bumiputera 34.8% dan lain-lain 24.0%.

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015 ini memberi gambaran sebenar kepada kita mengenai keseimbangan penyertaan tenaga buruh di negara ini, malah bagi kategori tertentu seperti “Kolar Putih”, etnik Cina dan India mempunyai kadar penduduk bekerja yang lebih tinggi berbanding Bumiputera. Oleh yang demikian, kita tidak boleh hanya memberi tumpuan kepada kadar pengisian pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam sahaja kerana ia boleh menyebabkan gambaran yang tidak tepat mengenai realiti sebenar keseimbangan tenaga buruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **dasar pengambilan** pekerja ke dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah **berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon**. Semua calon tanpa mengira kaum atau latar belakang yang memohon apa-apa jawatan akan mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan melalui **persaingan secara terbuka dan adil (*open and fair competition*)**. Hanya calon yang berkualiti dan menepati syarat serta kelayakan akan dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam.

Namun kita harus sedar bahawa di sektor swasta, persaingan secara terbuka dan adil tidak berlaku seperti mana yang kita harapkan. Satu kajian bertajuk "*Discrimination Of High Degrees: Race And Graduate Hiring in Malaysia*" (Tahap Diskriminasi: Bangsa dan Pengambilan Graduan di Malaysia) oleh dua orang pensyarah kanan, Dr Lee Hwok Aun dari Jabatan Pengajian Pembangunan, Universiti Malaya (UM) dan Dr Muhammed Abdul Khalid, Felo Penyelidik di *Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS)*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati kedudukan bangsa seseorang calon lebih diutamakan berbanding kelayakan akademik calon untuk dipanggil temu duga bagi permohonan pekerjaan di syarikat tempatan khususnya syarikat yang dimiliki kaum Cina dan syarikat Antarabangsa di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Data pelantikan calon bagi tahun 2016 (sehingga Jun) oleh SPA menunjukkan bahawa kadar calon Cina yang berjaya dilantik ke perkhidmatan awam daripada jumlah calon Cina yang hadir temu duga adalah paling tinggi iaitu 39.79%. Diikuti oleh calon India 32.76%, Bumiputera Sabah 22.07%, Melayu 17.35% dan Bumiputera Sarawak 15.49%.

SPA sebenarnya telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bersama pemimpin masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menggalakkan calon dari pelbagai kaum memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. SPA telah melaksanakan program Karnival Kerjaya, dan Program *Outreach* SPA dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai peluang-peluang menyertai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan negeri-negeri di bawah bidang kuasa SPA.

Sekian, terima kasih.